

23/03/2001

Dividen ASM 7.8 peratus

KUALA LUMPUR, Khamis - Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sulung Amanah Saham Malaysia (ASM) sebanyak 7.8 peratus kepada 347,664 pemegang unit saham amanah itu hingga 31 Mac 2001.

Mengumumkan agihan pendapatan itu, Pengerusi Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata kadar berkenaan membabitkan peruntukan berjumlah RM214 juta.

Beliau berkata, sepanjang tempoh setahun ASM dilancarkan, dana saham amanah itu memperoleh pendapatan RM246.98 juta.

Daripada jumlah itu, 73.86 peratus adalah daripada peningkatan modal hasil urus niaga saham, 21.96 peratus (pendapatan dividen) manakala baki 4.18 peratus (pelaburan jangka pendek di pasaran wang).

"Dengan jumlah dana ASM yang ada sekarang, ASNB memutuskan pengagihan pendapatan 7.8 peratus. Ia adalah kadar yang berdaya saing selepas mengambil kira risiko pelaburan dan keadaan pasaran semasa.

"Saya berharap kadar dividen yang baik ini akan mendorong pemegang unit untuk terus mengekalkan pelaburan mereka." katanya di ibu pejabat PNB, di sini, hari ini.

ASM yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur enam bulan ke atas dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 April tahun lalu dengan saiz dana permulaan sebanyak dua bilion unit.

Bagaimanapun berikutan sambutan menggalakkan yang menyaksikan semua dana permulaan itu habis dilanggan dalam tempoh kira-kira sebulan, saiz dana ASM diperbesarkan kepada tiga bilion unit pada 6 Jun 2000.

Dana tambahan itu juga sudah habis dilanggan. ASM ditawarkan pada harga tetap RM1 seunit, dengan pelaburan minimum permulaan 100 unit dan maksimum 50,000 unit.

Ahmad Sarji, berkata, ASNB melaburkan dana ASM dalam pelbagai sektor utama seperti perdagangan dan perkhidmatan, kewangan, hartanah dan pembangunan serta perladangan.

Di samping itu, ASM juga mempunyai pelaburan dalam sektor barangan pengguna, barangan industri, pembinaan, teknologi, dan syarikat prasarana, katanya.

Ahmad Sarji berkata, cek pembayaran agihan pendapatan akan dihantar kepada pelabur ASM bermula awal bulan depan manakala penyata pengagihan dan laporan tahunan akan dihantar mulai Mei.

Bagi memastikan pelabur menerima cek dan dokumen yang terbabit, mereka dinasihatkan menyemak dan mengemas kini alamat masing-masing di pejabat dan ejen ASNB yang terdekat, katanya.

Beliau menjelaskan, urus niaga ASM yang digantung mulai 26 Mac sehingga 1 April ini akan diurus niagakan semula seperti biasa pada 2 April 2001.

Sementara itu, Ahmad Sarji berkata, ASNB tidak merancang untuk meningkatkan lagi saiz dana ASM.

Sehubungan itu, beliau berkata, mereka yang berminat melabur dalam ASM hanya boleh berbuat demikian jika ada pemegang unit yang menjual unit mereka.

Mengenai cadangan ASNB akan melancarkan saham amanah baru, beliau berkata, sebagai pengurus saham amanah yang sentiasa berkembang, ia akan dilakukan.

(END)